



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



PEMBUBARAN PERKAHWINAN: ANALISIS LAPORAN BERTULIS PEJABAT KADHI BESUT, 1972 SEHINGGA 1978

DISSOLUTION OF MARRIAGE: ANALYSIS OF WRITTEN REPORTS FROM THE BESUT KADHI OFFICE, 1972 TO 1978

Haryati Hasan^{1*}, Nafisah Ilham Hussin², Muhammad Akramin Kamarul Zaman³

¹Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.

 haryatie@fsk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-1267-4208>

²Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.

 nafisah@fsk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0002-0016-813X>

³Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.

 akramin@fsk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-0682-9472>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 07.12.2025

Revised date: 05.01.2026

Accepted date: 29.01.2026

Published date: 05.03.2026

To cite this document:

Hasan, H., Hussin, N. I., & Kamarul Zaman, M. A. (2026). Pembubaran Perkahwinan: Analisis Laporan Bertulis Pejabat Kadhi Besut, 1972 Sehingga 1978. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 128-141.

DOI: 10.35631/IJLGC.1143010

Abstrak:

Artikel ini mengenai pembubaran perkahwinan melalui tuntutan Fasakh. Analisis berdasarkan laporan bertulis Pejabat Kadhi Besut dari tahun 1972 sehingga 1978. Laporan berkenaan diperolehi di Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu. Perbincangan artikel ini mengupas sebanyak 19 buah kes tuntutan Fasakh yang dibahagikan kepada dua bahagian. Pada bahagian pertama menerangkan tentang latar belakang pelapor dan terdakwa seperti tempat asal, umur, tempoh masa ditinggalkan, status perkahwinan dan keluarga serta pekerjaan terdakwa. Sementara itu bahagian kedua pula menghuraikan mengenai faktor yang menyebabkan pelapor membuat aduan kepada pihak Pejabat Kadhi Besut. Perbincangan dicerakinkan kepada masalah pengabaian nafkah dan tanggungjawab, penyelewengan dalam poligami dan menghilangkan diri untuk tempoh masa tertentu. Kajian lanjutan perlu dilakukan kerana maklumat mengenai pekerjaan dan mengapa tempoh tuntutan mengambil masa yang lama masih belum lengkap. Selain itu peranan Pejabat Kadhi Besut dalam menangani isu permasalahan berkaitan pasca pembubaran perkahwinan perlu dinilai kembali. Hal ini penting bagi menjaga kebajikan pelbagai pihak terutama wanita dan anak-anak.

Kata Kunci:

Pembubaran, Perkahwinan, Melayu, Kadhi, Besut.

Abstract:

This paper examines the dissolution of marriage through Fasakh petitions based on written reports from the Office of the Kadhi Besut from 1972 to 1978. These reports were obtained from the National Archives of Malaysia, Terengganu Branch. The discussion analyses 19 selected Fasakh cases. Over the seven-year period, the analysis focuses on two main aspects. The first explains the background of the couples, particularly the complainant (wife) and the defendant (husband), covering elements such as place of origin, age, duration of abandonment, marital and family status, and occupation. The second aspect outlines the factors that led wives to file complaints with the Kadhi's office, categorised into the neglect of financial and marital responsibilities, misconduct in polygamy, and disappearance of the husband for certain periods. Further research is needed as information regarding the husbands' occupations and the reasons behind the lengthy delay before filing the petitions remains incomplete. Additionally, the role of the Kadhi Besut Office in addressing issues related to post-divorce matters should be reassessed to ensure the wellbeing of all parties, particularly women and children.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Keyword:

Dissolution, Marriage, Malay, Kadhi, Besut.

Pendahuluan

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan wanita untuk hidup bersama dalam sebuah rumah tangga. Kedua-dua pihak perlu berusaha untuk menjaga ikatan tersebut agar terus berkekalan. Namun, begitu kadang-kadang rumah tangga bergolak disebabkan pelbagai perkara yang tidak dijangka. Apabila keadaan memerlukan, perceraian mungkin menjadi jalan terakhir selepas semua usaha untuk menyelamatkan hubungan tersebut menemui kegagalan. Terdapat beberapa kaedah perceraian yang dibenarkan dalam Islam iaitu talak, perceraian taklik, khuluk (tebus talak) dan juga perceraian dengan menggunakan kuasa mahkamah yang dipanggil sebagai Fasakh (Nurhidayah Muhd Hashim, 2006, xiii).

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan perceraian di Malaysia masih berada pada paras yang membimbangkan. Purata kes perceraian yang direkodkan sepanjang tahun 2014 sehingga 2017 adalah sebanyak 50,978 kes setahun bagi pasangan Islam. Pada tahun 2017, Selangor mencatat kes tertinggi dengan 12,204 kes, seterusnya Johor dengan 4,588 kes, Kelantan 3,652 kes dan Kedah 3,474 kes. Sementara itu, Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah telah mengeluarkan satu rekod yang menunjukkan bahawa purata perceraian bagi tahun 2018 adalah sebanyak 156 pasangan pada setiap hari. (Syafiyah Iqlima binti Mohd Nadzri, 2020). Kes perceraian di Malaysia merekodkan peningkatan yang luar biasa sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. (*Sinar Harian*, 2020). Namun, dari sudut sejarah isu perceraian bukan merupakan sesuatu yang baharu. Kadar perceraian khususnya dalam kalangan orang Melayu yang tinggal di Pantai

Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan dan Terengganu adalah tinggi. (G.W. Jones, 1981).

Artikel ini mengetengahkan isu perceraian Fasakh berdasarkan analisis ke atas 19 buah laporan bertulis pihak *Pejabat Kadhi Besut* dari tahun 1972 sehingga 1978. Penulis mencerakinkan perbincangan kepada asal-usul, umur, tempoh masa, status perkahwinan dan keluarga, pekerjaan serta faktor berlaku tuntutan Fasakh dalam kalangan wanita Melayu Islam pada tempoh tersebut.

Kajian Literatur

Terdapat pelbagai kajian mengenai perkahwinan dan perceraian. Antaranya kajian tersebut ada yang menyarankan agar pihak berautoriti seperti mahkamah Syariah dan pejabat agama Islam negeri memainkan peranan penting dalam menangani dan membendung kadar perceraian. Nik Noraini Nik Badli Shah mengkaji peruntukan yang berhubung dengan undang-undang substantif dan masalah yang mungkin timbul di bawah peruntukan tersebut. Diperkatakan perkara lain yang berhubung dengan aspek ekonomi undang-undang keluarga, seperti pembahagian aset suami isteri atau harta sepencarian, dan juga hal-hal pewarisan serta nafkah harta pusaka si mati. Secara lebih terperinci buku yang bertajuk *Undang-undang keluarga: Nafkah dan hak-hak kewangan lain* ini memperkatakan mengenai peruntukan undang-undang, latar belakang sejarah dan perkembangannya, serta cadangan bagi diadakan pembaharuan pada masa hadapan, dan bahagian yang memperkatakan kes-kes sebenar yang biasa dibawa ke mahkamah di bawah peruntukan yang berkenaan. (Nik Noraini Nik Badli Shah, 1992).

Buku karya Rozi binti Bainon yang berjudul *Wanita: Penghapusan diskriminasi dari perspektif Islam dan undang-undang Malaysia* memberi tumpuan khusus dalam bidang undang-undang keluarga dan perkara yang berkaitan dengannya. Melalui peruntukan Perkara 16 Konvensyen 1980, telah dijadikan garis panduan memandangkan asasnyalah sama rata antara lelaki dan wanita. Ketakseragaman undang-undang keluarga Islam di negara ini dijadikan bahan untuk mengeksploitasi beberapa perkara seperti poligami dalam kalangan orang Islam. Pembahagian harta pusaka orang Islam disifatkan sebagai tidak adil dan berat sebelah terhadap wanita oleh orang yang tidak memahami konsep pembahagian faraid dalam Islam. Keadilan undang-undang sering kali dikaitkan dengan orang yang mentadbirkan undang-undang itu. Keadilan undang-undang hanya boleh ditegakkan jika undang-undang tersebut ditadbirkan secara adil oleh orang yang telah diberikan Amanah. (Rozi binti Bainon, 1999).

Sementara itu, Shamsuddin Suhor, melalui karyanya yang bertajuk *Panduan Akta membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976*, pula memfokuskan prosedur perkahwinan dan perceraian untuk orang bukan Islam di Malaysia iaitu melalui Akta membaharui undang-undang (perkahwinan dan perceraian) 1976 juga dikenali dengan Akta 164. Secara lebih terperinci buku ini memberi panduan tentang hal-hal kekeluargaan termasuklah perkahwinan monogami, sekatan-sekatan perkahwinan, perceraian, nafkah suami isteri dan perlindungan kanak-kanak. Setiap fakta atau maklumat diberikan beberapa contoh kes yang dibicarakan di mahkamah dan ini akan memberi kefahaman yang mendalam untuk pembaca umum terutamanya kesan terhadap keputusan mahkamah. (Shamsuddin Suhor, 2011). Buku yang bertajuk *Perceraian secara Fasakh: Konsep dan amalan di Malaysia* hasil karya Nurhidayah Muhd Hashim menyentuh tentang peruntukan Fasakh di dalam Akta undang-undang keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 serta kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara khusus. Ini menyebabkan

ramai yang beranggapan bahawa Fasakh adalah hak eksklusif kaum wanita di dalam sesebuah rumah tangga. Namun begitu, melalui Pindaan 2005, suami juga diberi ruang untuk menggunakan kaedah fasakh dalam membubarkan perkahwinan dengan alasan-alasan yang diperuntukkan. Adakah benar Fasakh adalah hak mutlak kaum wanita?. Apakah alasan-alasan yang diterima di sisi fuqaha mazhab terdahulu? Bagaimana pelaksanaan Fasakh di mahkamah dan apakah prosedur yang perlu diikuti sekiranya seseorang ingin membuat tuntutan Fasakh?. Persoalan-persoalan tersebut dirungkai di dalam buku ini. (Nurhidayah Muhd Hashim, 2006). Isu mengenai perceraian Fasakh dirasakan masih relevan untuk dibicarakan kerana perceraian dari dahulu sehingga kini masih berterusan bahkan statistik menunjukkan kadar perceraian semakin meningkat terutamanya pada tempoh PKP dan pasca PKP. Dari sudut sejarah pula, G.W. Jones (1981) merekodkan bahawa kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di Pantai Timur sememangnya tinggi sejak tahun 1970-an, sekali gus memberikan konteks penting terhadap corak perceraian pada era kajian ini dijalankan.

Kajian ini, merupakan usaha kecil untuk memberi input mengenai latar belakang dan faktor pasangan suami isteri bercerai secara Fasakh dengan menganalisis kes laporan bertulis pihak Pejabat Kadhi Besut dari 1972 sehingga 1978. Sungguh pun tempoh masa tersebut telah lama berlalu namun, kita perlu belajar dari sejarah kerana sejarah itu merupakan cerminan hidup. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi dan usaha pihak berautoriti untuk mengurangkan kadar perceraian dan meminimakan bilangan kes yang berlaku di Malaysia.

Hasil dan Perbincangan

Pihak pelapor (isteri) melaporkan kepada Pejabat Kadhi Besut kerana ditinggalkan oleh terdakwa (suami) pada tempoh masa tertentu dalam usaha menentukan status perkahwinan mereka yang dibaratkan digantung tidak bertali. Perbincangan memfokuskan kepada latarbelakang pelapor dan terdakwa serta faktor yang menyebabkan berlaku tuntutan pihak wanita untuk membubarkan perkahwinan.

Latar belakang Pelapor dan Terdakwa

Perbincangan memfokuskan kepada tempat asal, umur, tempoh masa ditinggalkan, status perkahwinan dan keluarga serta pekerjaan suami.

Tempat Asal

Pihak pelapor berasal dari pelbagai kawasan di Besut. Antara kawasan berkenaan seperti Kampung Balik Bukit Jerleh, Kampung Kuala Setiu, Kampung Lubok Kawah, Kampung Kedai Jabi, Jalan Kampung Raja, Jalan Pasir Akar, Kampung Gong Nangka, Kampung Gong Bayor, Kampung Gong Kapas, Kampung Teluk Budu, Kampung Rahmat Chalok, Kampung Seberang Kastam, Kampung Pak Wong, Kampung Gong Penaga, Kampung Rahmat Chalok dan Kampung Lapan Kejur. Sementara terdakwa berasal dari pelbagai kawasan di Terengganu dan luar Terengganu. Sila lihat Jadual 1 seperti berikut;

Jadual 1: Asal-Usul Pelapor (Isteri) dan Terdakwa (Suami)

Bil	No.Fail	Asal-Usul Pelapor (Isteri)	Asal-Usul Terdakwa (Suami)
1	23/72	Tiada maklumat	408, Bukit Goh Kuantan, Pahang

2	8/73	Balik Bukit Jerteh, Besut	Kampung Janga Besar, Dungun, Terengganu
3	28/73	Kampung Kuala Setiu, Mukim Guntong, Besut	Kampung Jambu Bongkok, Dungun, Terengganu
4	7/74	Kampung Lubok Kawah, Batu 2, Jalan Pasir Akar, Jerteh, Besut	Kampung Beladau, Padang Kolam, Kuala Terengganu
5	31/74	Kampung Kedai Jabi Besut	122 Jalan Hilir Mersing, Johor
6	8/75	92-C, Jalan Kampung Raja, Chabang Tiga, Jerteh, Besut	Kampung Kemasin, Bachok, Kelantan
7	31/75	Jalan Pasir Akar, Kampung Cherang Meliling, Jerteh, Besut	d/a Polis Daerah, Dungun, Terengganu
8	36/75	Kampung Gong Nangka, Bukit Kenak, Besut	Pasir Puteh, Kelantan
9	29/76	Kampung Gong Bayor, Tembila, Besut	d/a Pak Mat (Encik Mohamad), Sub kontraktor, Dalam Belok, Sungai Gawi, Ulu Terengganu
10	4/77	Kampung Gong Kepas, Kampung Raja, Besut	d/a Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
11	9/77	Seberang Barat, Kuala Besut	Kampung Pantai Baharu Bachok, Kelantan
12	52/77	Jalan Pasir Akar, Kampung Gong Nangka, Jerteh	Kampung Gong Gunchil, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan
13	59/77	Kampung Telok Budu, Kuala Besut	Kampung Pulau Ribu, Gong Nering, Jerteh, Besut
14	5/78	No. 28 Kampung Rahmat Chalok, Besut	Kampung Kubang Itek Tunjong, Kota Bharu, Kelantan
15	8/78	Kampung Seberang Kastam Besut	Kampung Oh, Jabi, Besut, Terengganu
16	18/78	Kampung Pak Wong, Besut	Kampung Pengkalan Buluh, Besut Terengganu
17	34/78	Kampung Gong Penaga, Bt. Petri, Besut	Penjara Pudu, Kuala Lumpur
18	37/78	Kampung Rahmat Chalok, Besut	Manik Urai, Kuala Krai, Kelantan
19	43/78	Kampung Lapan Kejur, Pasir Akar, Besut	Kelantan & Raw Malaysia, Sandakan Camp, Sandakan Sabah

Sumber: Diubahsuai daripada fail *Pejabat Kadhi Besut* dari 1972 sehingga 1978.

Berdasarkan 19 buah kes, terdapat seramai lapan orang terdakwa berasal dari Terengganu. Seramai tiga orang berasal dari Dungun (8/73, 28/73, 31/75) dan tiga orang dari Besut (59/77, 8/78, 18/78) dan masing-masing seorang dari Kuala Terengganu (7/74) dan Ulu Terengganu (29/76).

Selain itu terdapat seramai 11 orang dalam kalangan mereka berasal dari luar Terengganu. Mereka yang berasal dari Kelantan berjumlah seramai tujuh orang. Mereka datang dari jajahan Pasir Putih seramai dua orang (36/75, 52/77), Kota Bharu dua orang (4/77, 5/78) dan Bachok juga dua orang (8/75, 9/77) serta seorang dari Kuala Krai (37/78). Selain itu terdapat masing-masing seorang dari Pahang (23/72), Johor (31/74), Kuala Lumpur (34/78) dan Sabah (43/78).

Umur

Seramai 15 orang dapat diketahui umur mereka. Sementara empat orang lagi tidak ditemui maklumat. Berdasarkan 15 orang tersebut menunjukkan usia wanita yang paling muda ialah 17 tahun sementara paling tua berusia 46 tahun. Sementara pasangan lelaki pula paling muda berusia 24 tahun dan paling tua berusia 40 tahun. Sila lihat jadual 2 berikut;

Jadual 2: Umur Pelapor (Isteri) dan Terdakwa (Suami)

Bil	No.Fail	Umur Isteri	Umur Suami
1	8/73	38	42
2	28/73	21	25
3	31/74	30	24
4	8/75	22	24
5	31/75	23	35
6	29/76	20	24
7	4/77	23	27
8	9/77	17	26
9	52/77	37	40
10	59/77	46	32
11	5/78	21	28
12	8/78	17	29
13	18/78	22	33
14	34/78	20	31
15	43/78	24	34

Sumber: Diubahsuai daripada fail *Pejabat Kadhi Besut* dari 1972 sehingga 1978.

Jadual 2 menunjukkan usia paling muda bagi wanita ialah 17 tahun (dua orang). Mereka yang berusia 20 sehingga 24 tahun seramai sembilan orang. Masing-masing seorang berusia 30, 37, 38 dan 46 tahun. Usia bagi lelaki pula 24 tahun seramai (tiga orang), 25 tahun (seorang), 26 tahun (seorang), 27 tahun (seorang), 28 tahun (seorang) dan 29 tahun (seorang). Ini bermakna usia perkahwinan bagi lelaki ialah antara 24 sehingga 29 tahun. Mereka yang berusia 31 sehingga 35 tahun seramai lima orang dan masing-masing seorang berusia 40 dan 42 tahun. Jelasnya, umur wanita lebih muda daripada lelaki kecuali dua orang yang berusia 46 tahun dan 30 tahun. Sementara pasangannya pula masing-masing berusia 32 dan 24 tahun.

Tempoh Masa Ditinggalkan oleh Terdakwa (Suami)

Berdasarkan 19 kes yang dilaporkan kepada pihak Pejabat Kadhi Besut, terdapat 17 kes diketahui tempoh masa ditinggalkan sementara dua kes lagi tidak diperolehi tempoh masa. Selain itu, pihak isteri membuat laporan setelah ditinggalkan oleh suami selama empat bulan. Sila lihat jadual 3 seperti berikut;

Jadual 3: Tempoh Masa Ditinggalkan oleh Terdakwa (Suami)

Bil	No.Fail	Tempoh Masa Ditinggalkan
1	8/73	4 bulan 2 hari
2	28/73	6 bulan 20 hari
3	7/74	4 bulan
4	31/74	7 bulan 6 hari
5	8/75	17 bulan 22 hari
6	31/75	7 bulan
7	29/76	7 bulan
8	4/77	3 tahun
9	9/77	5 bulan 15 hari
10	52/77	14 bulan
11	59/77	5 bulan
12	5/78	1 tahun 2 bulan 14 hari
13	8/78	7 bulan
14	18/78	1 tahun 14 hari
15	34/78	Lebih 4 bulan
16	37/78	6 tahun
17	43/78	3 tahun 5 bulan 19 hari

Sumber: Diubahsuai daripada fail *Pejabat Kadhi Besut* dari 1972 sehingga 1978.

Jadual 3 menunjukkan seramai tiga orang isteri membuat laporan ke Pejabat Kadhi Besut kerana ditinggalkan oleh suami dalam tempoh empat bulan (7/74) dan empat bulan dua hari (8/73) serta seorang dicatat sebagai lebih empat bulan (34/78). Seramai dua orang ditinggalkan untuk tempoh lima bulan (59/77) dan lima bulan 15 hari (9/77) dan seorang untuk tempoh enam bulan 12 hari (28/73) serta seramai tiga orang untuk tempoh tujuh bulan (31/75, 29/76, 8/78) dan seorang tujuh bulan enam hari (31/74). Ini menunjukkan sebanyak 10 kes daripada 17 kes atau lebih kurang (59 peratus) yang dilaporkan tempoh masa ditinggalkan antara empat bulan sehingga tujuh bulan. Jelasnya, terdapat kesedaran dalam kalangan isteri untuk menentukan status mereka dan membuat tuntutan berkaitan nafkah zahir dan batin.

Sementara itu, seramai empat orang tinggal berasingan dengan pasangan antara 12 sehingga 17 bulan (18/78, 5/78, 52/77, 8/75). Selain itu, seramai dua orang tidak tinggal bersama pasangan selama tiga tahun dan lebih (4/77, 43/78) serta seorang tinggal berasingan selama enam tahun (37/78). Ini bermakna sebanyak tujuh kes mereka yang membuat laporan telah tinggal berasingan dengan pasangan antara satu tahun sehingga enam tahun. Maknanya lebih kurang 41 peratus, hidup bersendirian berstatus isteri tanpa suami.

Berdasarkan analisis ke atas laporan tersebut menunjukkan tempoh paling singkat ditinggalkan suami ialah selama empat bulan dan paling lama ialah selama enam tahun.

Status Perkahwinan dan Keluarga

Analisis ke atas laporan pihak isteri menunjukkan kebahagiaan alam rumah tangga tidak berpanjangan. Harapkan panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari. Sila lihat analisis anggaran tempoh masa perkahwinan seperti jadual 4 berikut;

Jadual 4: Status Perkahwinan dan Perceraian

Bil.	No.Fail	Tarikh Berkahwin	Tarikh Ditinggalkan	Tempoh Masa Perkahwinan (Anggaran)
1	8/73	23/6/63	15/10/72	9 tahun
2	28/73	22/12/72	22/1/73	1 bulan
3	7/74	10/11/70	2/10/73	3 tahun
4	31/74	10/12/73	10/2/74	2 bulan
5	8/75	10/6/72	18/9/73	1 tahun
6	31/75	9/74	2/3/75	6 bulan
7	36/75	7/9/74	23/11/74	2 bulan
8	29//76	28/8/71	Jan 76	4 tahun
9	4/77	26/12/68	Pertengahan 74	5 tahun 6 bulan
10	9/77	26/3/75	12/9/76	1 tahun 6 bulan
11	52/77	7/6/75	Julai 76	1 tahun
12	59/77	30/6/74	Jun 77	3 tahun
13	5/78	3/11/76	4/11/76	1 hari
14	8/78	20/2/77	10/7/77	5 bulan
15	18/78	13/8/70	12/4/77	6 tahun 8 bulan
16	34/78	7/11/75	15/1/78	3 tahun
17	37/78	17/2/72	Pertengahan Julai 72	5 bulan
18	43/78	18/1/69	19/2/75	6 tahun

Sumber: Diubahsuai daripada fail *Pejabat Kadhi Besut* dari 1972 sehingga 1978.

Jadual 4 menunjukkan terdapat 18 kes diketahui tempoh masa perkahwinan mereka sementara satu kes lagi tidak diperolehi maklumat. Terdapat pasangan yang bercerai dalam tempoh sehari perkahwinan (5/78). Seorang bercerai dalam tempoh sebulan (28/73). Dua orang selama dua bulan (31/74, 36/75). Dua orang lagi selama lima bulan dan seorang selama enam bulan.

Sementara itu terdapat usia perkahwinan selama setahun seramai dua orang (8/75, 52/77), dan setahun enam bulan seorang (9/77). Selama tiga tahun seramai tiga orang (7/74, 59/77, 34/78), empat tahun seorang (29/76), lima tahun enam bulan (4/77), seorang selama enam tahun (43/78) dan seorang lagi selama enam tahun lapan bulan (18/78). Seorang selama sembilan tahun (8/73).

Kesimpulannya, berdasarkan 18 kes menunjukkan usia perkahwinan pada julat satu bulan sehingga enam bulan berjumlah seramai enam orang, tempoh masa setahun sehingga tiga tahun berjumlah enam dan empat tahun sehingga enam tahun berjumlah empat. Ini menunjukkan perceraian berlaku pada usia perkahwinan yang baharu. Sementara itu tempoh masa perkahwinan paling singkat ialah sehari dan paling lama selama sembilan tahun.

Pekerjaan Terdakwa (Suami)

Maklumat pekerjaan mengenai pihak suami tidak banyak diperolehi. Hanya empat orang yang diketahui pekerjaan. Sementara 15 orang lagi tiada maklumat mengenai pekerjaan mereka. Sila lihat jadual 5 berikut;

Jadual 5: Pekerjaan Terdakwa (Suami)

Bil	No.Fail	Pekerjaan
1	31/75	Polis Marin
2	36/75	Guru
3	29/76	Subkontraktor
4	43/78	Askar

Sumber: Diubahsuai daripada fail *Pejabat Kadhi Besut* dari 1972 sehingga 1978.

Jadual 5 menunjukkan seramai tiga orang yang bekerja di jabatan kerajaan sebagai guru, polis dan askar. Sementara seorang bekerja sebagai subkontraktor. Sementara itu pihak pelapor (isteri) tidak terdapat maklumat mengenai latarbelakang pekerjaan mereka.

Faktor Tuntutan Perceraian oleh Pelapor (Isteri)

Terdapat pelbagai faktor yang mencetuskan perceraian antaranya pengabaian nafkah dan tanggungjawab, penyelewengan dalam poligami dan menghilangkan diri.

Pengabaian Nafkah dan Tanggungjawab

Seorang wanita yang berusia 20 tahun berasal dari Kampung Gong Bayor, Tembila, Besut. Beliau telah berkahwin dengan lelaki yang berusia 24 tahun berasal dari Kampung Dalam Belok, Sungai Gawi, Ulu Terengganu. Menurut wanita tersebut suami beliau bekerja sebagai subkontraktor dan meninggalkan beliau sejak hampir tujuh bulan tanpa memberi atau mengirim apa-apa nafkah perbelanjaan. (*Pejabat Kadhi Besut*, 29/76).

Selain perbelanjaan berupa keperluan asas, terdapat kes tuntutan nafkah mengandung. Seorang wanita yang berusia 23 tahun berasal dari Jalan Pasir Akar, Kampung Cherang Meliling, Jerteh, Besut telah membuat tuntutan kepada suami beliau yang bekerja sebagai anggota Polis Marin di Dungun, Terengganu. Menurut wanita yang sarat mengandung tujuh bulan tersebut mereka telah berkahwin pada September 1974 dan bercerai di pejabat Kadhi Dungun pada 2 March 1975. Semasa bercerai beliau mengandung enam bulan. Menurut wanita tersebut lagi sejak bercerai pada 2 March 1975 sehingga April 1975 suami beliau tidak mengirim atau memberi apa-apa nafkah perbelanjaan mengandung. Di dalam tuntutannya pelapor meminta mahkamah agar mengarahkan pihak terdakwa membayar nafkah kandungan anak sebanyak \$100 sebulan bagi tiap-tiap bulan. (*Pejabat Kadhi Besut*, 31/75).

Pengabaian nafkah dan tanggungjawab suami juga dapat diperhatikan dalam kes nafkah edah. Pelapor yang berasal dari Kampung Gong Nangka, Bukit Kenak, Besut, Terengganu telah berkahwin dengan pasangannya pada 7 September 1974. Namun, malangnya pada 23 November 1974 mereka telah bercerai. Dengan kata lain perkahwinan mereka hanya bertahan selama tiga bulan sahaja sebelum pihak yang didakwa telah melafazkan cerai dengan talak satu. Pelapor menuntut terdakwa supaya membayar nafkah sebanyak \$60 sebulan atau kadar yang difikir patut serta munasabah oleh mahkamah. (*Pejabat Kadhi Besut*, 36/75).

Terdapat dalam kalangan suami yang mengabaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada anak yang di bawah jagaan mantan isteri. Seorang wanita telah membuat tuntutan nafkah terhadap dua (2 orang) anak dengan kadar \$40 sebulan. Tuntutan tersebut dibuat berdasarkan fasal 118 (1) undang-undang 4/55. Selain itu, tuntutan tersebut dibuat kerana terdakwa tidak

menjelaskan bayaran baki tertunggak dari tarikh (10 Jun 1972 sehingga 5 Jun 1975) selama tiga tahun yang berjumlah \$711. Menurut wanita itu, beliau tidak berpuashati kerana terdakwa hanya memberi nafkah melalui kiriman pos berdaftar sebanyak \$20.00 sebulan sedangkan kedua-dua anak mereka telah bersekolah. Menurutnya lagi terdakwa berkemampuan untuk memenuhi tuntutan yang dikemukakan kerana beliau “*tidak termasuk dalam golongan orang susah.*” (*Pejabat Kadhi Besut, 23/72*).

Sikap tidak bertanggungjawab suami dapat juga diperhatikan di dalam kes wanita yang berusia 46 dan berasal dari Kampung Telok Budu, Kuala Besut. Beliau telah berkahwin dengan seorang lelaki berusia 32 tahun atau lebih muda 14 tahun daripadanya yang berasal dari Kampung Pulau Ribu, Gong Nering, Jerteh, Besut. Perkahwinan mereka hanya bertahan selama tiga tahun selepas pelapor membuat keputusan meninggalkan suaminya selama lima bulan akibat tidak tahan kerana selalu dipukul oleh terdakwa. Beliau membuat permohonan perceraian Tuntutan Taklik Talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55. (*Pejabat Kadhi Besut, 59/72*).

Selain mengalami penderaan fizikal terdapat dalam kalangan wanita yang tertekan emosi. Seorang wanita berusia 21 tahun yang berasal dari Kampung Rahmat Chalok, Besut telah berkahwin dengan lelaki berusia 28 tahun berasal dari Kampung Kubang Itek Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. Perkahwinan berlangsung pada 3 November 1976 dan keesokan harinya 4 November 1976 terdakwa telah meninggalkan kediaman pelapor selama satu tahun dua bulan 14 hari. Pelapor mengorbankan usia mudanya dengan mengahwini lelaki yang tidak bertanggungjawab dan lebih malang lagi beliau mengambil masa lebih setahun untuk membuat permohonan cerai. (*Pejabat Kadhi Besut, 5/78*).

Seorang wanita yang berasal dari Kampung Rahmat Chalok, Besut telah berkahwin pada 17 Disember 1972. Pasangan beliau berasal dari Manik Urai, Kuala Krai, Kelantan. Perkahwinan mereka bertahan selama lima bulan kerana terdakwa meninggalkan pelapor tanpa nafkah. Wanita tersebut mengambil masa selama enam tahun untuk membuat permohonan perceraian. (*Pejabat Kadhi Besut, 37/78*).

Selain itu seorang wanita yang berasal dari Kampung Lapan Kejur, Pasir Akar, Besut telah berkahwin pada 18 Januari 1969 ketika berusia 24 tahun. Pasangan beliau berusia 34 tahun berasal dari Kampung Melor, Kota Bharu, Kelantan. Sepanjang enam tahun perkahwinan beliau tinggal bersama bapa mertua di kampung tersebut. Ini kerana suami beliau bertugas di Kem Sandakan, Sabah. Beliau mengambil masa selama tiga tahun lima bulan 19 hari untuk membuat tuntutan perceraian. (*Pejabat Kadhi Besut, 43/78*).

Penyelewengan dalam Poligami

Menurut seorang wanita yang berasal dari Kampung Gong Nangka, Bukit Kenak, Besut, Terengganu telah berkahwin dengan seorang Guru yang bertugas di Sekolah Menengah Gaal, Pasir Puteh. Menurut wanita itu lagi beliau merupakan isteri kedua kepada lelaki berkenaan. Mereka tinggal berasingan, namun suami beliau berulang alik antara rumah beliau dan isteri pertama. Menurut wanita itu lagi selepas lebih kurang tiga bulan menjadi isteri, beliau diceraikan dengan talak satu. Beliau menuntut nafkah sebanyak \$60.00 sebulan atau pada kadar yang difikir patut serta munasabah oleh mahkamah. Ini kerana menurut wanita berkenaan mantan suaminya berkemampuan dengan pendapatan bulanan sebanyak \$610. (*Pejabat Kadhi Besut, 36/75*).

Selain itu terdapat seorang wanita berkahwin dengan anggota Polis Marin. Wanita yang sedang mengandung tujuh bulan itu, juga diceraikan oleh suaminya setelah tinggal bersama selama enam bulan sebagai pasangan suami isteri. Menurut wanita tersebut sejak bercerai hampir sebulan yang lalu suami beliau tidak mengirim atau memberi apa-apa nafkah perbelanjaan mengandung. Beliau menuntut nafkah kandungan anak sebanyak \$100 sebulan bagi tiap-tiap bulan. Menurut wanita itu lagi gaji suami beliau sebanyak \$500 sebulan dan beliau mengandaikan suaminya mampu memenuhi tuntutan. Namun begitu, lelaki tersebut memberi pelbagai alasan untuk mengelak daripada membayar kepada yang menuntut. Menurut lelaki itu lagi beliau mempunyai pelbagai tanggungjawab. Menurut beliau,

“....mempunyai seorang isteri dan seorang anak lelaki berumur 15 tahun masih bersekolah di Maktab Adabi Kuantan, tinggal di asrama dan dikehendaki membayar yuran sekolah sebanyak \$16/= ringgit, wang asrama \$66-60C, wang kocek \$37-40C tiap2 bulan. Gaji baki \$225, bayar hutang TV, sebanyak \$40 tiap2 bulan, baki gaji \$185, belanja wang rokok n belanja dapur rumah. Janji bayar \$15 tiap2 bulan sehingga melahirkan n menambah \$5.00 tiap2 bulan sekiranya beliau memelihara anaknya, jika tidak mahu maka saya akan ambil n pelihara.” (Pejabat Kadhi Besut, 31/75)

Menurut beliau lagi gaji sebenarnya hanya \$330 dan bukannya \$500 sebagaimana yang dinyatakan oleh pelapor. Alasan tersebut menggambarkan terdakwa cuba lari daripada tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri dan anak yang bakal lahir. Sekiranya tidak mampu beliau sepatutnya berfikir dua kali untuk mengamalkan poligami.

Menghilangkan Diri

Terdapat dalam kalangan suami yang menghilangkan diri. Hal ini berlaku sama ada disedari oleh isteri atau tidak disedari. Selain itu, kehilangan mereka ada yang tidak dapat dikesan untuk tempoh yang lama dan ada yang dapat dikesan.

Tidak Dapat Dikesan

Menjadi suami isteri selama tiga tahun namun isteri tidak mengetahui di mana keberadaan suaminya. Hal ini berlaku kerana terdakwa keluar rumah tanpa memberitahu isterinya dan dalam tempoh empat bulan isteri beliau tidak menerima perkhabaran. Wanita yang berasal dari Kampung Lubok Kawah, Batu 2, Jalan Pasir Akar, Jerleh, Besut, Terengganu telah melaporkan kepada Pejabat Kadhi Besut. (Pejabat Kadhi Besut, 7/74).

Selain itu, sikap tidak bertanggungjawab suami dapat diperhatikan di dalam kes seorang wanita berusia 22 tahun yang beralamat di no. 92-C, Jalan Kampung Raja, Chabang Tiga, Jerleh, Besut. Perkahwinan beliau dengan lelaki yang berasal dari Kampung Kemasin Bachok Kelantan hanya bertahan lebih kurang setahun tiga bulan. Beliau hanya membuat laporan ke Pejabat Kadhi Besut setelah suaminya meninggalkan beliau selama 17 bulan 22 hari. Ini bermakna tempoh menunggu kepulangan suami lebih lama daripada tempoh tinggal bersama sebagai pasangan suami isteri. Lebih malang lagi dalam tempoh tersebut beliau tidak mengetahui ke mana suami beliau pergi atau tidak dapat dikesan keberadaannya. (Pejabat Kadhi Besut, 8/75).

Sementara itu seorang wanita berusia 37 tahun yang berasal dari Jalan Pasir Akar, Kampung Gong Nangka, Jerteh, Terengganu membuat tuntutan taklik talak kepada suaminya. Menurut wanita tersebut mereka tidak tinggal bersama sebagai suami isteri selama 14 bulan. Dalam tempoh tersebut beliau tidak mengetahui tempat tinggal si suami. Menurutnya lagi, ibu mertua beliau memaklumkan kepada beliau bahawa suaminya pergi mencari pekerjaan. Menurut wanita itu lagi, suami beliau berusia 40 tahun dan berasal dari Kampung Gong Gunchil, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. Mereka berkahwin pada 7 Jun 1975 dan mulai Julai 1976 mereka tidak lagi tinggal bersama. Ini bermakna perkahwinan mereka hanya bertahan lebih kurang 13 bulan. (*Pejabat Kadhi Besut*, 52/77).

Dapat Dikesan

Berbeza dengan pasangan yang berasal dari Besut ini, mereka menjalani kehidupan berumah tangga lebih kurang selama tujuh tahun. Pada 12 April 1977 beliau dimaklumkan suaminya hilang di laut Pulau Pinang. Setelah menunggu perkhabaran berita mengenai suaminya beliau mengambil masa selama setahun 14 hari untuk melaporkan kepada Kadi Besut mengenai status perkahwinan mereka. (*Pejabat Kadhi Besut*, 18/78).

Mencari pekerjaan di tempat baharu merupakan salah satu faktor pasangan yang baharu berkahwin lebih kurang dua bulan ini, tidak tinggal bersama. Menurut wanita yang berusia 30 tahun dan berasal dari Kampung Kedai Jabi Besut beliau membuat tuntutan berpisah kerana pasangannya telah meninggalkan beliau selama tujuh bulan enam hari. Menurutnya lagi pasangannya yang berusia 24 tahun tersebut hendak bekerja di Mersing, Johor. (*Pejabat Kadhi Besut*, 31/74).

Selain itu keretakan rumahtangga dikesan kerana pihak yang didakwa menjalani hukuman penjara. Menurut wanita berusia 23 yang berasal dari Kampung Gong Kepas, Kampung Raja, Besut suami beliau menjalani hukuman penjara selama enam tahun di Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Setelah tiga tahun tidak menerima nafkah daripada suaminya yang berusia 27 tahun beliau mengambil keputusan memohon perceraian. (*Pejabat Kadhi Besut*, 4/77).

Seorang wanita yang berusia 20 tahun, telah meninggalkan suaminya yang menjalani hukuman penjara di penjara Pudu, Kuala Lumpur. Wanita yang berusia 20 tahun tersebut mengambil keputusan meninggalkan suami beliau dan kembali tinggal bersama ibunya di Kampung Gong Penaga, Bt. Petri, Besut, Terengganu. Beliau berbuat demikian kerana lebih empat bulan tidak menerima nafkah daripada suaminya yang berusia 31 yang menjalani hukuman penjara dan kemudiannya sebagai orang buangan di Kuala Selangor. (*Pejabat Kadhi Besut*, 34/78).

Kesimpulan

Konklusinya, laporan Pejabat Kadhi Besut menunjukkan wanita mengemukakan tuntutan Fasakh kerana ditinggalkan oleh suami tanpa nafkah zahir dan batin dalam tempoh masa yang lama. Terdapat dalam kalangan mereka tidak mengetahui di mana keberadaan suami mereka dan hal ini menyebabkan kesukaran untuk pihak Pejabat Kadhi Besut menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak isteri. Mengetahui latar belakang pasangan penting sebelum membuat keputusan untuk mendirikan rumah tangga ini termasuklah latar belakang tempat tinggal dan pekerjaan. Terdapat dalam kalangan isteri yang memberitahu pihak Pejabat Kadhi Besut mereka tidak mengetahui tempat asal suami atau pihak ahli keluarga yang boleh dihubungi untuk mengesan keberadaan pasangan mereka.

Selain itu, tidak terdapat maklumat lengkap mengenai pekerjaan pasangan dan ini jelas daripada 19 kes hanya empat kes sahaja isteri mengetahui pekerjaan suami mereka. Terdapat juga dalam kalangan suami diketahui keberadaan mereka melalui perkhabaran oleh pihak Pejabat Kadhi Besut di mana mereka sedang menjalani hukuman penjara di luar dari Terengganu iaitu di Kelantan dan Kuala Lumpur. Timbul persoalan di sini apakah kalangan suami tidak bekerja atau tidak mempunyai pekerjaan tetap? dan disebabkan hal ini menyumbang kepada pertenggaran, suami membawa diri keluar dari rumah dan seterusnya tidak pulang. Sekiranya hal tersebut benar ini bermakna tuntutan nafkah anak pasca perceraian sudah tentu gagal direalisasikan kerana ketidakmampuan dalam kalangan suami dari sudut material. Mereka yang mengamalkan poligami juga liat membayar nafkah anak atas alasan menyara keluarga baharu. Perlu kajian mengenai masyarakat Terengganu pada pasca merdeka dan sehingga kini diberi perhatian khasnya yang berkaitan dengan masalah dalam kalangan wanita. Dapatan kajian menunjukkan selain masalah perceraian terdapat juga dalam kalangan wanita yang menjadi pelacur untuk menyara kehidupan. Selain itu mereka juga ada yang terlibat dalam kes khalwat dan bersekedudukan kerana kepincangan daripada sudut agama, moral dan desakan nafkah zahir dan batin.

Penghargaan:	Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu kerana menyimpan dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan <i>Pejabat Kadhi Besut</i> dari tahun 1972 sehingga 1978.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Haryati binti Hasan] bertanggungjawab terhadap pengumpulan data (sumber primer dan sekunder), pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Nafisah Ilham binti Hussin] membuat analisis, sorotan literatur dan tafsiran dapatan kajian. [Muhammad Akramin bin Kamarul Zaman] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

References

- Haryati Hasan. (2005). Malay women and prostitution in Kota Bharu, Kelantan, 1950s–1970s. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, LXXVIII (1), 97 –120.
- Haryati Hasan. (2007). Isu sosial di Kelantan, 1920an-1930an. Warisan Kelantan XXVI.KotaBharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Jones, G.W. (1981). Trends in marriage and divorce. Manjit S. Sidhu and Gavin W. Jones (pnyt). *Population dynamics in a Plural Society, Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: UMCB Publications.
- Nik Noriani Nik Badli Shah. (1992). Undang-undang keluarga: Nafkah dan hak-hak kewangan lain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nik Noriani Nik Badli Shah. (2012). Marriage and divorce: Law reform within Islamic framework. Bandar Damansara Perdana: International Law Book Services.
- Nurhidayah Muhd Hashim. (2006). Perceraian secara Fasakh: Konsep dan amalan di Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara.
- Pejabat Kadhi Besut, (23/72). Tuntutan nafkah 2 orang anak \$40/- sebulan, fasal 118 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (8/73). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (28/73). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (7/74). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (31/74). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (8/75). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (31/75). Tuntutan Nafkah Mengandong fasal 117 (2) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (36/75). Tuntutan Nafkah Edah fasal 117 (2) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (29/76). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (4/77). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (9/77). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (52/77). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (59/77). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (5/78). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (8/78). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (18/78). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, ((34/78). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (37/78).Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Pejabat Kadhi Besut, (43/78). Tuntutan Taklik talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55.
- Rozi binti Bainon. (1999). Wanita: Penghapusan diskriminasi dari perspektif Islam dan Undang-undang Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri, (2020). Polemik perceraian di Malaysia. Perspektif, Jabatan Kajian Politik Nasional & Antarabangsa, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). 24 Januari.
- Shamsuddin Suhor. (2011). Panduan Akta membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 (Akta 164) Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinar Harian. (2020). Kes perceraian di Malaysia rekodkan peningkatan luar biasa, 29 Disember.